

**TEKS UCAPAN
PRESIDEN ANGKASA
DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**PERASMIAN PENUTUP KARNIVAL
MASJID DIHATIKU ANJURAN KOPERASI**

KARIAH MASJID SUNGAI RAMAL LUAR KAJANG SELANGOR BERHAD (KOMAS)

**26 MEI 2024 (AHAD)
11.00 PAGI**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum
Wabarakatuh

Warahmatullahi

[SALUTASI RUJUK URUSETIA PROGRAM]

1. Marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang memberi keizinan untuk kita

bertemu pada petang yang berbahagia ini dalam satu program yang sungguh murni objektifnya dan telah diadakan dengan jayanya iaitu Program Karnival Masjid Dihatiku oleh Koperasi Kariah Masjid Sungai Ramal Luar Kajang Selangor Berhad (KOMAS).

2. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada pihak KOMAS menjemput saya untuk bersama dalam program ini dan tidak lupa juga kepada usaha koperasi peluang untuk masyarakat mendekati koperasi dan melihat apa

manfaat sebenarnya kita semua
berkoperasi.

Hadirin Hadirat yang dihormati

3. Sudah tentu kehadiran saya pada
hari ini adalah untuk berkongsi
berkenaan koperasi dan apa

sumbangan yang dapat diberi oleh sektor ini baik kepada negara dan juga masyarakat. Koperasi merupakan wadah kebersamaan dalam memperbaiki taraf hidup rakyat dan pada masa yang sama menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih berdaya saing. Kerajaan

juga telah mengiktiraf koperasi sebagai enjin ketiga penggerak ekonomi selain daripada sektor kerajaan dan juga swasta.

4. Tahun demi tahun peranan koperasi terus berkembang dengan menumpukan kepada perniagaan dan

yang lebih berimpak tinggi dan memenuhi keperluan pasaran semasa. Ini dapat dilihat apabila gerakan ini berjaya mencatat perolehan sebanyak RM64.5 Bilion. Semua ini dilakukan secara musyawarah atau dalam bahasa mudahnya secara bersama. Anggota koperasi berkongsi idea,

tenaga, kepakaran dan juga modal dalam mengembangkan perusahaannya.

Hadirin Hadirat yang dihormati

5. Koperasi Kariah Masjid juga memainkan peranan yang besar dalam

meningkatkan sosio ekonomi anggota dan juga masyarakat setempat. Melalui penganjuran karnival seperti ini, koperasi memberi peluang kepada peniaga khususnya warga kariah masjid menjalankan perniagaan mereka dikawasan yang disediakan oleh pihak masjid.

6. Usaha yang dianjurkan oleh Koperasi Kariah Masjid Sungai Ramal Luar ini harus dijadikan model aktiviti koperasi untuk dicontohi oleh koperasi masjid yang lain. Secara tidak langsung aktiviti seumpama ini memberi peluang kepada ahli kariah untuk menambah pendapatan dan pada masa yang

sama masyarakat dapat mengimarahkan masjid yang pada kebiasannya dianggap sebagai tempat melakukan ibadah.

7. Adalah menjadi tanggungjawab ANGKASA dan juga warga masjid mengubah persepsi di mana masjid juga

mempunyai potensi yang sangat besar untuk menjadi pusat pembangunan ekonomi umat Islam dan sudah tentu dijalankan di bawah payung koperasi.

8. Untuk makluman sehingga 31 Disember 2023, terdapat 566 buah koperasi kariah masjid di seluruh negara,

dengan keanggotaan sebanyak 45,711 individu, syer/yuran sebanyak RM15.41 juta, aset sebanyak RM37.98 juta dan perolehan sebanyak RM28.93 juta.

9. Jika hendak dibandingkan dengan jumlah masjid yang ada negara ini sebanyak 6801 buah, peratusan yang

menubuhkan koperasi hanya sebanyak kira-kira 8 peratus. Oleh itu ANGKASA agresif memperkenalkan kariah masjid ini di seluruh negara kerana ini adalah platform untuk kita umat Islam bersama memperkasa ekonomi umat ini .

10. Model koperasi kariah masjid ini juga dibawa ke luar negara seperti Filipina dan Kemboja. Antara objektifnya adalah kita mahu perluas pasaran produk dalam segmen koperasi kariah masjid khususnya produk Halal ke luar negara. ANGKASA komited pada masa ini membawa model koperasi kariah

masjid ke seluruh Asia Pasifik dan seudah tentu akan diperluas ke seluruh dunia.

Hadirin Hadirat yang dihormati

11. Begitulah sedikit sebanyak perkongsian yang dapat saya ceitakan pada hari ini. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas

kepada pihak koperasi menjayakan program sebegini. Semoga usaha sebegini dapat diteruskan pada masa yang akan mendatang dan semoga KOMAS terus menjadi pemacu kepada kecemerlangan sosiekonomi anggotanya.

12. Saya dengan lafas
Bismillahirrahmanirrahim merasmikan
**PENUTUP KARNIVAL MASJID DIHATIKU
ANJURAN KOPERASI KARIAH MASJID
SUNGAI RAMAL LUAR KAJANG
SELANGOR BERHAD (KOMAS)**

Sekian terima kasih. Wabillahitaufik
walhidayah, wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.